



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU DI KALANGAN PELAJAR KELAS PERALIHAN : KELEMAHAN DAN CARA MENGATASI

TAN THEAM SENG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PROJEK SARJANA INI DIKEMUKAKAN
BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

20.04.2004


TAN THEAM SENG
2002-00528






DECLARATION

I hereby declare that the writing in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

20.04.2004


TAN THEAM SENG
2002-00528





PENGHARGAAN

Kajian ini tidak akan sempurna dalam bentuk seperti ini tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak.

Pengkaji ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada **Encik Seri Lanang Jaya Haji Rohani** selaku penyelia pengkaji yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, dan nasihat yang sangat berguna dalam usaha menyempurnakan projek sarjana ini.

Seterusnya, pengkaji juga tidak lupa merakamkan penghargaan kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang telah banyak memberikan ilmu yang bernilai selama pengajian saya di universiti berkenaan dan kakitangan pejabat Fakulti Bahasa; yang sentiasa memberikan kerjasama.

Tidak lupa juga pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua sekolah yang sudi memberikan kerjasama kepada pengkaji dalam menyelenggarakan projek sarjana ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga pengkaji tujukan kepada pelajar-pelajar Kelas Peralihan dari SMJK Sam Tet, Ipoh dan SMJK Yuk Choy, Ipoh, serta guru-guru sekolah berkenaan, khususnya bagi mereka yang terlibat secara langsung sebagai sampel kajian untuk projek sarjana ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga pengkaji tujukan kepada semua yang membantu pengkaji, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dalam menjayakan kajian dan penulisan projek sarjana ini. Semoga semua jenis bantuan yang anda berikan itu akan mendapat balasan yang berlipat ganda daripada Yang Maha Berkuasa.

Akhir sekali, pengkaji ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang; khususnya isteri pengkaji, Wong Lai Keng dan anak pengkaji Tan Yi Ern yang senantiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan pengkaji. Pengorbanan mereka selama dua tahun ini agar membolehkan pengkaji menamatkan pengajian Sarjana Pendidikan ini tetap dikenang buat selama-lamanya.

TAN THEAM SENG
15, HALUAN TASEK TIMUR 8,
ANJUNG BERCHAM MEGAH,
31400, IPOH.

20 APRIL 2004
FAKULTI BAHASA
UPSI, TANJONG MALIM





ABSTRAK

KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU DI KALANGAN PELAJAR KELAS PERALIHAN : KELEMAHAN DAN CARA MENGATASI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan untuk mengenal pasti aspek-aspek kelemahan yang dilakukan oleh pelajar Kelas Peralihan ketika menulis karangan jenis gambaran. Sebanyak 120 orang pelajar Cina Kelas Peralihan telah dipilih untuk menjadi sampel kajian. Mereka terdiri daripada 40 orang pelajar dari SMJK Sam Tet, Ipoh dan 80 orang pelajar dari SMJK Poi Lam, Ipoh. Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur tahap kebolehan pelajar dalam penulisan karangan jenis gambaran secara keseluruhan, dari segi penyampaian isi, dan dari segi penguasaan bahasa. Di samping itu, pengkaji juga ingin mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar lemah dalam penguasaan kemahiran menulis, meninjau sejauh manakah aktiviti membaca, mengikuti siaran media elektronik berbahasa Melayu, dan gred keputusan penulisan karangan yang lalu mempengaruhi tahap kebolehan pelajar dalam penulisan karangan. Untuk tujuan itu, semua sampel kajian telah diminta menulis sebuah karangan jenis gambaran dan mengisi borang soal selidik pelajar yang disediakan oleh pengkaji. Data karangan dan maklumat soal selidik itu kemudiannya dianalisis dan ditafsirkan untuk menjawab soalan kajian. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa pelajar lemah dalam penulisan karangan. Hal ini demikian kerana markah purata sampel kajian bagi kebolehan secara keseluruhan adalah sebanyak 21.33%, manakala kebolehan dari segi penyampaian isi adalah 21.17%, dan kebolehan dari segi penguasaan bahasa ialah 19.33%. Kesemuanya dalam tahap lemah kecuali aspek penguasaan bahasa pada tahap sangat lemah. Beberapa aspek kelemahan yang dilakukan oleh sampel kajian telah dikenal pasti iaitu, kelemahan bahasa, kelemahan teknik mengarang, kelemahan isi, dan kelemahan dalam tulisan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pendedahan pelajar terhadap bahan bacaan dan media elektronik berbahasa Melayu dapat membantu mereka menghasilkan karangan pada tahap yang lebih baik berbanding pelajar yang kurang diberi pendedahan terhadap bacaan berbahasa Melayu. Pada akhir kajian, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi kelemahan dalam kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar Cina Kelas Peralihan.





ABSTRACT

WRITING SKILLS FOR *BAHASA MELAYU* ESSAY AMONG STUDENTS OF REMOVE CLASS : WEAKNESSES AND SOLUTIONS

This study is a survey to identify the aspects of weaknesses made by Remove Class students while writing descriptive essays. A total of 120 Chinese students from Remove Class were selected as samples for this study. These samples consists of 40 students from SMJK Sam Tet, Ipoh and 80 students from SMJK Poi Lam, Ipoh. The purpose of this study is to gauge the students ability level to write descriptive essays which in total, covers the areas of point presentations as well as the accuracy and fluency of the language. Besides, the researcher intends to identify factors as to why students are normally weak in the mastery of the writing skills. Other factors to be considered are the extend of reading among students, how much do they follow the Malay electronical media and whether the previous results for the essay writing influences the ability level of the students in writing essays. For this purpose, all samples were made to write a descriptive essay and to complete the questionnaires which were prepared by the researcher. Datas of the essay and information obtained from the questionnaires were analyzed and interpreted to fulfill the survey questions. The results show that students were weak in writing essays. It showed that the average marks obtained by the samples of this study for overall achievment were at 21.33 % whereas achievements in terms of presentation of points were at 21.17 % and for competence of the language were at 19.33 %. In total, all were categorized under the below average level except for aspect of language competence which were at the level of very weak. Several aspects of weaknesses shown by the samples were identified, that is language incompetence, weak writing techniques, weak points and difficulty in comprehending what was written. This study also shows that if students are exposed to reading materials and electronical media in *bahasa Melayu*, this would help them to produce essays of a better level compared to students who inexpressed. At the end of this study, the researcher has also presented several suggestions to overcome this problem in the essay writing skills among the Chinese students in the Remove Classes.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENAKUAN (B.M.)	ii
PENAKUAN (B.I)	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv


05-4506832


pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

BAB I		PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan		1
1.2	Permasalahan Kajian		6
1.3	Tujuan Kajian		8
1.4	Soalan Kajian		9
1.5	Kepentingan Kajian		9
1.6	Batasan Kajian		10
1.7	Definisi Istilah		11
	1.7.1 Kemahiran Menulis		11
	1.7.2 Karangan		11
	1.7.3 Bahasa Pertama		12



1.7.4 Bahasa Kedua

14~

BAB II**TINJAUAN LITERATUR**

16

2.0

Pengenalan

16

2.1

Literatur Berkaitan

16

2.1.1 Konsep Kemahiran Menulis

16 ✓

2.1.2 Konsep Karangan Jenis Gambaran

21 ✓

2.1.3 Kaitan Teori Behavioris Dengan
Kemahiran Menulis

21 ✓

2.1.4 Model Kajian

23

2.1.5 Ciri-Ciri Sebuah Karangan Yang
Lengkap

25 ✓

2.2

Kajian Berkaitan

32

2.3

Kesimpulan

44

BAB III**KAEDAH KAJIAN**

45

3.0

Pengenalan

45

3.1

Reka Bentuk Kajian

45

3.2

Populasi dan Sampel Kajian

46

3.2.1 Proses Pemilihan Persampelan
Berdasarkan Rawak Berlapis
Berkadar

47

3.2.2 Pewajaran Pemilihan Sampel
Kajian

48

3.3

Alat Kajian

49



3.3.1	Tajuk Karangan	49
3.3.2	Ujian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	49
3.3.3	Pemilihan Karangan Sebagai Alat Kajian	50
3.3.4	Soal Selidik	51
3.3.5	Praujian	52
3.3.6	Kaedah Temu bual	52
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	53
3.4.1	Atur Cara Sebelum Penyelidikan	53
3.4.2	Atur Cara Semasa Kajian	54
3.4.3	Atur Cara Selepas Kajian	55
3.5	Prosedur Penganalisan Data	57
3.5.1	Analisis Deskriptif	58
3.5.1.1	Analisis Deskriptif : Ujian Penulisan Karangan	58
3.5.1.2	Analisis Deskriptif : Soal Selidik Pelajar	59
3.5.2	Analisis Statistik	60

BAB IV

KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	63
4.2	Perihal Sampel	63
4.3	Dapatan Kajian	65
4.4	Kesimpulan	90

BAB V

RUMUSAN

5.1	Kesimpulan	92
5.2	Perbincangan	94
5.3	Cadangan Mengatasi Kelemahan Dalam Kemahiran Menulis Karangan Di Kalangan Pelajar Cina Kelas Peralihan	108
5.3.1	Analisis Kesalahan	108
5.3.2	Pengajaran Menulis Melalui Pendekatan Proses	113
5.3.3	Memantapkan Karangan Pelajar Melalui Pembacaan	118
5.3.4	Pengajaran Pemulihan	119
5.3.5	Penggunaan Petikan Sebagai Bahan Rangsangan Dalam Pengajaran Penulisan	121
5.3.6	Kosa Kata Sebagai Asas Pengajaran Menulis	123
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	125

RUJUKAN

Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia

Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Perak Darul Ridzuan

Lampiran A Kertas Ujian Penulisan Karangan Bahasa Melayu

Lampiran B Soal Selidik Pelajar

Lampiran C Contoh-Contoh Karangan Pelajar



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Analisis Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama Tahun 2003 Kelas Peralihan (SMJK Sam Tet, Ipoh)	5
1.2	Analisis Keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2003 Kelas Peralihan (SMJK Sam Tet, Ipoh)	5
1.3	Prestasi Penulisan Karangan Di Kalangan Pelajar Kelas Peralihan SMJK Sam Tet Bagi Peperiksaan Penggal Pertama Tahun 2003 dan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2003	6
1.4	Bahasa Pertama	13
1.5	Bahasa Kedua	14
3.1	Taburan Sampel Kajian	46
3.2	Tahap Kebolehan Pelajar Secara Keseluruhan	56
3.3	Tahap Kebolehan Pelajar Dari Segi Penyampaian Isi	57
3.4	Tahap Kebolehan Pelajar Dari Segi Penguasaan Bahasa	57
4.1	Status Sosioekonomi Bagi Sampel Kajian	64
4.2	Tahap Kebolehan Pelajar	66
4.3	KA1 : Pengaruh Bahasa Pasar	68
4.4	KA 2 : Pola Ayat Yang Salah Dari Segi Makna	69
4.5	KA 3 : Struktur Bahasa Cina	69
4.6	KE 1 : Kesalahan Ejaan Yang Dipengaruhi Oleh Bahasa Melayu Lisan	71
4.7	KE 2 : Kesalahan Ejaan Yang Tidak Tepat Dipengaruhi Oleh Kecuaian Pelajar	71



4.8	KE 3 :Ejaan Yang Tidak Tepat Tetapi Hanya Dapat Diketahui Maksudnya Melalui Konteks Ayat Yang Dihasilkan Dalam Karangan Pelajar	71
4.9	KK1 : Kesalahan Penggunaan Kata Yang Tidak Tepat	72
4.10	KK 2 : Kesalahan Penggunaan Kata Bahasa Melayu Lisan	73
4.11	KK 3 : Penterjemahan Perkataan Bahasa Cina Secara Langsung	73
4.12	KK 4 : Kesalahan Penggunaan Kata Dari Aspek Semantik	74
4.13	KI 1 : Mengabaikan Penggunaan Imbuhan	74
4.14	KI 2 : Penyalahgunaan Imbuhan	75
4.15	HB 1 : Tidak Menggunakan Huruf Besar Bagi Perkataaan Pertama Dalam Ayat Baru	76
4.16	HB 2 : Nama Khas Yang Tidak Dimulakan Dengan Huruf Besar	76
4.17	HB 3 : Menggunakan Huruf Besar Pada Tempat Yang Tidak Memerlukannya	76
4.18	Kesalahan Dalam Penggunaan Tanda Baca	77
4.19	Jenis-Jenis Masalah Penulisan Karangan (Berdasarkan Respons dalam Soal Selidik Pelajar)	85
4.20	Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Semasa Menulis Karangan Bahasa Melayu (Komen Guru)	87
4.21	Pendedahan Pelajar Terhadap Bahan bacaan, Rancangan Televisyen, dan Siaran Radio Berbahasa Melayu (Kumpulan Tahap Sederhana)	88
4.22	Pendedahan Pelajar Terhadap Bahan bacaan, Rancangan Televisyen, dan Siaran Radio Berbahasa Melayu (Kumpulan Tahap Lemah)	89



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Penghasilan Karya Penulisan	19
2.2	Kaitan Teori Behavioris Dengan Kemahiran Menulis	22
2.3	Model Kajian	24
2.4	Binaan Karangan Sebagai Wacana	25
2.5	Karangan Yang Berfokus	26
3.1	Model Pengumpulan Dan Penganalisan Data Penyelidikan	62
5.1	Model Kajian	106
5.2	Pertalian Antara Penulisan Dan Bahan Bacaan	107
5.3	Aktiviti Dalam Peringkat Proses Menulis	115
5.4	Ujian Pengamatan Penglihatan Untuk Mengesan Masalah Songsang Huruf Atau Pembalikan Huruf	120
5.5	Kosa Kata Sebagai Asas Pengajaran Menulis	124



SENARAI SINGKATAN

ABM	Amalan Bahasa Malaysia
B 1	Bahasa Pertama
B 2	Bahasa Kedua
HB	Kesalahan Huruf Besar
KA	Kesalahan Ayat
KE	Kesalahan Ejaan
KI	Kesalahan Penggunaan Imbuhan
KK	Kesalahan Penggunaan Kata
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kumpulan Pelajar Melayu
KPBM	Kumpulan Pelajar Bukan Melayu
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SJK (C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJK (T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TESL	<i>Teaching of English as a Second Language</i>
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah



BAB I

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Pelajar-pelajar Kelas Peralihan ialah pelajar-pelajar yang masuk ke sekolah menengah dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK (C)) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK(T)). Pada peringkat sekolah rendah, pelajar-pelajar ini mengikuti semua mata pelajaran dalam Bahasa Cina bagi SJK (C) dan Bahasa Tamil bagi SJK (T). Walau bagaimanapun, Bahasa Melayu wajib dipelajari sebagai satu mata pelajaran.

Selepas tamat tempoh persekolahan rendah, pelajar-pelajar SJK (C) dan SJK (T) yang mencapai Bahasa Melayu di bawah tahap penguasaan minimum, iaitu memperoleh gred D atau gred E dalam mata pelajar tersebut akan ditempatkan di Kelas Peralihan selama setahun. Pelajar-pelajar ini mengikuti semua mata pelajaran dalam Bahasa Melayu kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda mereka. Tujuan program Kelas Peralihan adalah untuk memberi pendedahan yang luas kepada pelajar-pelajar dari SJK (C) dan SJK (T) ini supaya mereka bersedia mengikuti semua mata pelajaran dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada tahap menengah rendah.





Oleh yang demikian, Kelas Peralihan dapat dianggap sebagai kelas transisi bagi pelajar-pelajar yang berasal dari SJK (C) dan SJK (T) untuk menguasai Bahasa Melayu selengkapnya sebagai bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran (kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains, dan Matematik yang telah diajar dalam bahasa Inggeris sejak tahun 2003).

Dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pelajar-pelajar Kelas Peralihan dikehendaki mengikuti mata pelajaran Bahasa Melayu dengan jumlah waktu yang lebih banyak dan dengan secara intensif. Sebanyak 14 waktu bagi mata pelajaran Bahasa Melayu diperuntukkan dengan jumlah masa sebanyak 490 minit seminggu. Selain mata pelajaran Bahasa Melayu, pelajar-pelajar ini turut mengikuti mata pelajaran Amalan Bahasa Malaysia (ABM) yang merupakan kursus teknikal tentang penggunaan bahasa Melayu dalam semua mata pelajaran yang lain. Keterangan yang diberi di atas tadi sejajar dengan matlamat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia bagi Kelas Peralihan (1988 : 1), iaitu :

Rancangan Kelas Peralihan adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar mengukuhkan penguasaan Bahasa Malaysia dan meningkat kebolehan berkomunikasi dengan berkesan sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan di sekolah menengah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Keterangan di atas cukup jelas, bahawa tujuan mata pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan adalah untuk melengkapkan dan meningkatkan penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar dari SJK (C) dan SJK (T). Oleh yang demikian, kursus mata



pelajaran Bahasa Melayu menekankan pengukuhan dan peningkatan taraf kecekapan berbahasa dengan memberi perhatian terhadap kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis termasuk penggunaan tatabahasa secara tidak terpisah antara satu dengan yang lain. Dari segi tulisan, objektif pengajaran dan pembelajaran pendidikan Bahasa Melayu Kelas Peralihan adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar :

- i. Melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan **penulisan** secara kritis dan kreatif serta berkesan dalam pelbagai situasi.
- ii. Memperkembangkan kekuatan imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan **menulis** (2003 : 2).

Objektif di atas memadai dan wajar untuk membolehkan pelajar-pelajar Kelas Peralihan menguasai kemahiran bahasa yang asas dalam pembelajaran Bahasa Melayu selain menguasai kemahiran seterusnya, iaitu membaca, mendengar, dan bertutur. Sungguhpun demikian, pembelajaran Bahasa Melayu - KBSM adalah berasaskan kaedah penggabungjalinan bagi mencapai tahap kebolehan berbahasa Bahasa Melayu yang tinggi. Maka dengan itu, melalui gabung jalin, pengajaran seseorang guru haruslah membabitkan empat unsur, iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

Meskipun objektif pengajaran dan pembelajaran pendidikan Bahasa Melayu Kelas Peralihan dinyatakan sebegitu jelas, namun pada hakikatnya, prestasi dan pencapaian pelajar Kelas Peralihan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu masih tidak memuaskan.



Kenyataan ini terbukti benar apabila pengkaji membandingkan analisis keputusan Peperiksaan Penggal Pertama 2003 dan analisis Peperiksaan Pertengahan Tahun 2003 di sekolah SMJK Sam Tet, Ipoh bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dengan pencapaian mata-mata pelajaran yang lain, ternyata jelas pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu amat menyedihkan. Hal ini demikian kerana peratus kelulusan Bahasa Melayu hanya mencatatkan sebanyak 25% bagi Peperiksaan Penggal Pertama, manakala peratus kelulusan Bahasa Melayu bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun mencatatkan sebanyak 60.4%. Ini bermakna sebanyak 75% pelajar gagal dalam Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Penggal Pertama, manakala 39.6% pelajar gagal dalam mata pelajaran berkenaan dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2003. Walaupun peratus kelulusan bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun bertambah baik, namun harus diingatkan bahawa cuma 10 orang pelajar mencapai gred C (markah lulus 50%-64%). Manakala sebanyak 19 orang pelajar mencapai gred D (40%-49%) dan gred E (0-39%). Dalam kedua-dua peperiksaan tersebut, mata pelajaran Bahasa Melayu mencatatkan kelulusan yang paling rendah jika dibandingkan dengan mata-mata pelajaran yang lain. Keadaan ini dapat dibuktikan daripada maklumat yang tercatat dalam Jadual 1.1 dan Jadual 1.2 seperti yang berikut :



Jadual 1.1 : Analisis Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama Tahun 2003 Kelas Peralihan (SMJK Sam Tet, Ipoh)

Mata Pelajaran	Gred					Jumlah Lulus	Tidak Hadir	Jumlah Pelajar	Peratus Lulus
	A	B	C	D	E				
Bahasa Melayu	0	0	0	12	36	12	0	48	25.0
Bahasa Inggeris	9	14	13	6	6	42	0	48	87.5
Bahasa Cina	0	5	11	7	25	23	0	48	47.9
ABM	8	16	13	3	8	40	0	48	83.3
Pendidikan Seni	0	18	22	3	5	43	0	48	89.6

Jadual 1.2 : Analisis Keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2003 Kelas Peralihan (SMJK Sam Tet, Ipoh)

Mata Pelajaran	A	B	C	D	E	Jumlah Lulus	Tidak Hadir	Jumlah Pelajar	Peratus Lulus
Bahasa Melayu	0	0	10	19	19	29	0	48	60.4
Bahasa Inggeris	0	9	18	12	9	39	0	48	81.3
Bahasa Cina	0	4	15	12	17	31	0	48	64.6
ABM	1	4	14	14	15	33	0	48	68.8
Pendidikan Seni	0	7	30	4	7	41	0	48	85.4

Petunjuk Gred : A : 85-100% D : 40-49%
 B : 70 - 84% E : 0-39%
 C : 50-69%

Sumber : Laporan Prestasi Akademik SMJK Sam Tet, Ipoh



1.2 Permasalahan Kajian

Setelah 46 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, Kelas Peralihan, iaitu kelas khas untuk pelajar-pelajar lemah dalam Bahasa Melayu dari SJK(C) dan SJK (T) masih wujud hampir di setiap sekolah menengah. Kelas tersebut diadakan untuk menyediakan pelajar-pelajar ini mengikuti pendidikan formal di sekolah menengah rendah (tingkatan 1, 2, dan 3) dan seterusnya di sekolah menengah atas (tingkatan 4 dan tingkatan 5) yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Oleh itu, pengajaran Bahasa Melayu di Kelas Peralihan sangat mustahak dan perhatian berat harus ditumpukan kepada pengajaran ini. Persoalannya, mengapakah selepas 46 tahun negara kita merdeka dan Bahasa Melayu sudah pun lama dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita, namun masih ada lagi pelajar-pelajar Cina yang berasal dari SJK (C) lemah dalam Bahasa Melayu? Hakikat ini terbukti benar apabila pengkaji mendapati peratus kelulusan yang rendah dalam penulisan karangan bagi pelajar Kelas Peralihan dalam Peperiksaan Penggal Pertama dan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2003 di SMJK Sam Tet, Ipoh. Keadaan ini dapat dilihat melalui jadual seperti yang berikut :

Jadual 1.3 : Prestasi Penulisan Karangan Di kalangan Pelajar Kelas Peralihan SMJK Sam Tet Bagi Peperiksaan Penggal Pertama Tahun 2003 dan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2003

Peperiksaan	Bilangan Pelajar	Bilangan Lulus	Peratus Lulus
Peperiksaan Penggal Pertama	48	5	10.42 %
Peperiksaan Pertengahan Tahun	48	20	41.67 %

Sumber : Laporan Prestasi Akademik SMJK Sam Tet, Ipoh.





Berdasarkan laporan prestasi akademik tersebut, kita dapat membuat satu kesimpulan bahawa prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar Kelas Peralihan bagi kedua-dua peperiksaan berkenaan adalah amat tidak menggalakkan. Hal ini demikian kerana dalam Peperiksaan Penggal Pertama, cuma 10.42% pelajar lulus dalam penulisan. Manakala dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun pula, peratus kelulusan dalam penulisan adalah sebanyak 41.67 %. Ini bermakna sebanyak 89.58 % pelajar gagal dalam penulisan dalam Peperiksaan Penggal Pertama dan sebanyak 58.33 % pelajar tidak lulus dalam aspek penulisan karangan dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun. Keadaan ini sebenarnya tidak selari dengan objektif kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2003 : 62). Menurut objektif kemahiran menulis yang ditetapkan dalam *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan Tahun 2003*, antara lainnya dinyatakan seperti yang berikut :



Kemahiran menulis merujuk kepada **keupayaan** murid menulis perkataan dan ayat, dan mengeluarkan idea melalui **pelbagai jenis penulisan**. Ini termasuk **penulisan tentang pengalaman peribadi yang telah dilalui**, bahan fiksyen serta bahan berkaitan sesuatu bidang ilmu. Penulisan hendaklah menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca, dan ejaan yang betul. Tulisan berangkai yang jelas dan cantik digalakkan.

Memandangkan tahap pencapaian pelajar-pelajar Kelas Peralihan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah rendah dan pelajar amat lemah dalam aspek penulisan, hal ini telah memberi dorongan kepada pengkaji untuk mengkaji apakah aspek-aspek kelemahan yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2) khususnya dalam **aspek penulisan karangan** Bahasa Melayu ? Untuk menyempurnakan kertas projek ini, maka tajuk yang akan saya kaji ialah : “*Kemahiran*





Menulis Karangan Bahasa Melayu di kalangan Pelajar Kelas Peralihan : Kelemahan dan Cara Mengatasi". Kajian ini khususnya untuk pelajar-pelajar Cina Kelas Peralihan yang sedang belajar di SMJK Sam Tet, Ipoh dan SMJK Poi Lam, Ipoh.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk :

1. Mengukur tahap kebolehan pelajar Kelas Peralihan dalam penulisan karangan jenis gambaran secara keseluruhan, dari segi penyampaian isi, dan dari segi penguasaan bahasa.
2. Mengenal pasti aspek-aspek kelemahan yang dilakukan oleh pelajar Kelas Peralihan ketika menulis karangan jenis gambaran.
3. Mengenal pasti masalah-masalah yang kerap dihadapi oleh pelajar dalam penulisan karangan.
4. Meninjau sama ada faktor aktiviti membaca dan gred keputusan penulisan karangan yang lalu mempengaruhi tahap kebolehan pelajar dalam penulisan karangan
5. Menyarankan beberapa langkah yang berpeda untuk mengatasi kelemahan pelajar-pelajar Kelas Peralihan dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.



1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, empat soalan kajian utama telah dibentuk, iaitu :

1. Apakah tahap kebolehan pelajar Kelas Peralihan dalam menulis karangan jenis gambaran?
2. Apakah aspek-aspek kelemahan yang dilakukan oleh pelajar Kelas Peralihan ketika menulis karangan?
3. Apakah masalah-masalah yang kerap dihadapi oleh pelajar dalam penulisan karangan?
4. Sejauh manakah aktiviti membaca dan mengikuti siaran media berbahasa Melayu, serta gred keputusan penulisan karangan yang lalu mempengaruhi tahap kebolehan pelajar dalam menulis karangan?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini khusus tertumpu pada kemahiran penulisan karangan Bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina Kelas Peralihan yang sedang mengikuti pendidikan formal di SMJK. Hasil daripada kajian ini, pengkaji berharap agar dapat membantu guru untuk mengenali aspek-aspek kelemahan yang biasa dilakukan oleh pelajar ketika mereka menulis karangan Bahasa Melayu dan seterusnya guru dapat membina bahan pemulihan dan latihan yang sesuai untuk pelajar mereka bagi mengatasi kelemahan yang dilakukan oleh pelajar.



Hasil daripada kajian ini juga berguna kepada pihak sekolah untuk merangka cara-cara yang berkesan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini cukup berguna bagi membantu meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu di kalangan pelajar.

Sememangnya kajian ini berguna juga kepada penulis buku teks dan buku kerja Bahasa Melayu bagi pelajar Kelas Peralihan khususnya dalam aspek penulisan karangan Bahasa Melayu.

1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, bidang kajian pengkaji hanya terbatas dalam penulisan karangan jenis gambaran. Aspek yang menjadi fokus kajian pengkaji adalah untuk melihat kelemahan-kelemahan yang dilakukan oleh pelajar dalam aspek isi dan bahasa ketika mereka menulis karangan. Di samping itu, pengkaji akan mencadangkan beberapa cara untuk mengatasi kelemahan tersebut. Sampel kajian terdiri daripada 120 orang pelajar Kelas Peralihan yang sedang mengikuti pendidikan formal di SMJK Sam Tet, Ipoh dan SMJK Poi Lam, Ipoh. Kesemua mereka dipilih secara rawak berlapis berkadar. Alat kajian yang digunakan ialah penulisan karangan jenis gambaran, soal selidik pelajar, dan kaedah temu bual dengan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Kelas Peralihan bagi kedua-dua sekolah yang berkenaan.



1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Kemahiran Menulis

Menurut *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan* (2003 : 62), kemahiran menulis merujuk kepada **keupayaan** pelajar menulis perkataan dan ayat, dan mengeluarkan idea melalui **pelbagai jenis penulisan**. Ini termasuk penulisan tentang pengalaman peribadi yang telah dilalui, bahan fiksi serta bahan berkaitan sesuatu bidang ilmu. Penulisan hendaklah menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca, dan ejaan yang betul. Tulisan berangkai yang jelas dan cantik digalakkan. Menurut *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan*, hasil pembelajaran bagi kemahiran menulis ialah (i) menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana, (ii) mencatat dan menyusun maklumat, (iii) menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif, dan (iv) membuat ulasan.

1.7.2 Karangan

Menurut Za'ba (1965), karangan merupakan hasil daripada kepandaian atau kemahiran menggubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkai kata dan seterusnya untuk dijadikan ayat. Beliau menegaskan bahawa sesebuah karangan mengandungi ayat-ayat yang telah digubah atau disusun untuk dijadikan cerita, laporan, penerangan dan sebagainya.



Bagi Lado (1964), Broto (1974), Bullock (1975) dan Ishak Harun (1979), karangan bukanlah sekadar hasil kepandaian atau kemahiran menggubah atau menyusun kata-kata, frasa dan ayat sahaja, tetapi merupakan kemahiran menyampaikan idea, fakta dan sebagainya yang terdapat dalam pemikiran manusia (pengarang atau penulis) melalui alat komunikasi yang dinamakan bahasa (dalam Kamarudin Hj. Husin 1998 : 276-277). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa karangan ialah latihan untuk melahirkan fikiran, perasaan dan idea secara bebas tetapi dikawal oleh arahan, peraturan dan tajuk karangan yang telah disediakan.

1.7.3 Bahasa Pertama

Mengikut H.H. Stern (1983 : 10-11), bahasa pertama ialah bahasa yang diperoleh semasa seseorang itu masih bayi dan kanak-kanak lagi dan pada umumnya bahasa ini diperoleh melalui keluarga. Keadaan ini menunjukkan penguasaan bahasa yang bersifat intuitif, natif, lengkap atau tepat (*intuitive, native-like, full or perfect*). Menurut H.H. Stern (1983 : 9) lagi, bahasa pertama boleh disusun dalam bentuk jadual seperti yang berikut :



Jadual 1.4 : Bahasa Pertama

Bahasa Pertama
bahasa pertama (<i>first language</i>)
bahasa natif (<i>native language</i>)
bahasa ibunda (<i>mother tongue</i>)
bahasa utama (<i>primary language</i>)
bahasa kuat (<i>stronger language</i>)

Sumber : Disesuaikan daripada H.H. Stern 1983 : 9.

Menurut Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985 : 42) pula, bahasa pertama atau diistilahkan juga sebagai bahasa ibunda adalah bahasa yang diperoleh oleh seseorang daripada orang tuanya atau orang yang menjaga dan memeliharanya sejak dia kecil. Bahasa ini dipelajari secara tidak langsung oleh seseorang sejak mula dia belajar bercakap dan bahasa pertama ini bukanlah diwarisi secara automatik oleh seseorang.

Tegasnya, bahasa pertama merupakan bahasa yang mula-mula sekali diperoleh dan dikuasai oleh seseorang sejak dari zaman kanak-kanak, sebelum ia mempelajari sesuatu bahasa lain. Dalam konteks kajian ini, bahasa pertama bagi pelajar-pelajar Kelas Peralihan yang pernah belajar di SJK (C) sebelum melangkah ke alam persekolahan menengah ialah bahasa Cina.

1.7.4 Bahasa Kedua

H.H. Stern (1983 : 9-13) telah mendefinisikan bahasa kedua sebagai apa-apa sahaja bahasa yang diperoleh selepas bahasa pertama atau bahasa natif. Tingkat kemahiran bahasa kedua yang dikuasai oleh seseorang lebih rendah jika dibandingkan dengan tingkat kemahiran bahasa pertama. Di samping itu, bahasa kedua juga merupakan bahasa yang 'lebih lemah' kepada seseorang individu. Menurut H.H. Stern (1983 :9), bahasa kedua boleh disusun dalam bentuk jadual seperti yang berikut :

Jadual 1.5 : Bahasa Kedua

Bahasa Kedua
bahasa kedua (<i>second language</i>)
bahasa bukan natif (<i>non-native language</i>)
bahasa asing (<i>foreign language</i>)
bahasa sekunder (<i>secondary language</i>)
bahasa lemah (<i>weaker language</i>)

Sumber : Disesuaikan daripada H.H. Stern 1983 : 9.

Manakala menurut Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985 : 42-43), bahasa kedua ialah bahasa yang dipelajari oleh seseorang selepas dia memperoleh bahasa pertama. Apa-apa juga bahasa yang dipelajari selepas bahasa pertama diistilahkan bahasa kedua walaupun jumlah bahasa yang dipelajari melebihi daripada



satu bahasa. Pembelajaran bahasa kedua selalunya dilakukan secara langsung atau secara formal melalui guru-guru yang mempunyai pengetahuan mengenai bahasa tersebut.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa kedua ialah bahasa yang dikuasai melalui proses pembelajaran iaitu selepas seseorang memperoleh dan menguasai bahasa pertama. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Kelas Peralihan yang pernah belajar di SJK (C) sebelum memasuki sekolah menengah bolehlah dianggap sebagai bahasa kedua mereka kerana bahasa pertama atau bahasa ibunda mereka bukanlah bahasa Melayu.

